

28/11/1998

Hubungan diplomatik dengan Iraq tidak terjejas

KUALA BERANG, Jumaat - Tidak ada sebab Malaysia harus memikirkan semula hubungan dengan Iraq berikutan sekatan ekonomi yang dikenakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurutnya, hubungan diplomatik Malaysia-Iraq tidak terjejas, kecuali apabila sekatan dikenakan hanya membabitkan kegiatan ekonomi yang terpaksa dihentikan di negara berkenaan.

Bercakap kepada pemberita selepas berucap pada Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Majlis Daerah di sini beliau berkata, jika sekatan ditarik balik kegiatan ekonomi, perdagangan dan pelaburan akan diteruskan seperti biasa.

"Sudah menjadi dasar negara kita, untuk berbaik-baik dengan semua negara di dunia dan mengadakan hubungan dua hala demi kepentingan bersama.

Terdahulu ketika berucap pada majlis berkenaan, Abdullah berkata, kepemimpinan negara seperti Malaysia yang sudah mencapai kemerdekaan tidak boleh ditentukan oleh orang lain.

"Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi yang hanya rakyat negara berkenaan menentukan pemimpin mereka sendiri bukan ditunjuk oleh orang luar," katanya.

Bagaimanapun, Abdullah berkata, walaupun perang dingin sudah selesai, persaingan pada peringkat antarabangsa semakin sengit terutama dalam usaha mencari pengaruh serta pasaran.

Menurutnya, ini termasuk Malaysia yang turut mencari kepentingan di luar negara bagi menjalankan perdagangan, terutama untuk menjual barangan yang memberi sumber pendapatan utama kepada negara.

Dalam menyatakan pendapat, katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sentiasa tegas menyatakan yang benar kerana Malaysia tidak terpengaruh dengan termakan budi dan hutang seperti sesetengah negara lain.

Beliau berkata, banyak perjuangan Malaysia di peringkat antarabangsa katanya, berjaya dan mendapat sokongan daripada banyak negara luar.

(END)